

PENGALAMAN PEDAGOGI TILAWAH AL-QURAN MERENTAS JANTINA: ANALISIS EMPIRIKAL GURU PENDIDIKAN ISLAM

(PEDAGOGICAL EXPERIENCE IN QURANIC RECITATION INSTRUCTION ACROSS GENDER: AN EMPIRICAL ANALYSIS OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS)

NURUL HAMIMI, A. J.^{1,2*} – NORHISHAM, M.² – JAHIDIH, S.³

¹ *SMK Pekan Telipok, Sabah, Malaysia.*

² *Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.*

³ *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: jahidihsaili[at]uitm.edu.my*

(Received 04th February 2026; revised 28th March 2026; accepted 13th April 2026)

Abstrak. Keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran bergantung kepada pengalaman pedagogi guru, namun kajian empirikal yang meneliti konstruk ini secara khusus masih terhad dalam literatur Pendidikan Islam di Malaysia. Kebanyakan penyelidikan sedia ada lebih memfokuskan efikasi sendiri guru tanpa membezakannya daripada pengalaman pedagogi sebagai konstruk yang berdiri sendiri, sedangkan keduanya merupakan konsep yang berbeza. Persoalan sama ada wujud perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina juga masih belum mencapai konsensus empirikal yang jelas. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran serta menentukan perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan keratan rentas digunakan, melibatkan 149 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian Zon Barat Sabah yang dipilih melalui pensampelan seluruh populasi. Instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada konsep Bandura yang mengandungi tujuh item dengan kesahan kandungan (S-CVI/Ave= 0.94) dan kebolehpercayaan ($\alpha=0.931$) yang tinggi. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan tahap pengalaman pedagogi berada pada tahap sederhana tinggi (Min=3.99, SP=0.56), dengan kekuatan pada aspek kejelasan penerangan konsep dan kelemahan relatif pada aspek kepelbagaian strategi pengajaran. Analisis ujian-t sampel bebas mendapati tiada perbezaan signifikan antara guru lelaki dan perempuan ($t=-1.86$, $p>0.05$). Kajian ini menyumbang bukti empirikal baharu bahawa pengalaman pedagogi merupakan konstruk profesional yang tidak dipengaruhi oleh faktor jantina, sekali gus mencadangkan program pembangunan profesional guru wajar direka berasaskan keperluan kompetensi sebenar tanpa membezakan mengikut demografi.

Katakunci: *pengalaman pedagogi, Tilawah Al-Quran, pendidikan Islam, perbezaan jantina, guru sekolah menengah*

Abstract. The effectiveness of Quranic recitation (Tilawah al-Quran) instruction is highly dependent upon teachers' pedagogical experience; however, empirical research examining this construct remains limited within the Islamic Education literature in Malaysia. The majority of existing studies have focused on teacher self-efficacy without distinguishing it from pedagogical experience as an independent construct, despite these being conceptually distinct. Furthermore, the question of whether pedagogical experience differs according to gender has yet to reach a clear empirical consensus. Accordingly, this study aimed to identify the level of pedagogical experience in Tilawah al-Quran instruction and to determine whether differences exist based on gender amongst Islamic Education teachers. A quantitative approach employing a cross-sectional survey design was utilised, involving 149 Islamic Education teachers from daily secondary schools in the Western Zone of Sabah, selected through whole population sampling. The questionnaire instrument, adapted from Bandura concept which comprised seven items demonstrating high content validity (S-CVI/Ave=0.94) and reliability ($\alpha=0.931$). Descriptive analysis

revealed that teachers' pedagogical experience was at a moderately high level (Mean=3.99, SD=0.56), with particular strength in the clarity of concept explanation and relative weakness in the diversity of teaching strategies. Independent samples t-test analysis found no significant difference between male and female teachers ($t=-1.86$, $p>0.05$). This study contributes novel empirical evidence that pedagogical experience constitutes a professional construct uninfluenced by gender, thereby suggesting that professional development programmes for teachers ought to be designed based upon actual competency needs rather than demographic distinctions.

Keywords: *pedagogical experience, Quranic Recitation, Islamic education, gender differences, secondary school teachers*

Pengenalan

Tilawah al-Quran merupakan komponen teras dalam kurikulum Pendidikan Islam yang bertujuan melahirkan pelajar berkemampuan membaca, memahami dan menghayati al-Quran dalam kehidupan seharian (KPM, 2018). Keberkesanan pengajaran komponen ini bergantung kepada pendekatan pedagogi yang digunakan oleh guru. Pendekatan pengajaran yang bersifat mekanikal semata-mata, tanpa mengambil kira keperluan dan tahap penguasaan murid yang pelbagai, cenderung menghasilkan pembelajaran yang kurang bermakna (Mustaffa et al., 2021). Justeru, pedagogi yang berkesan dalam pengajaran Tilawah al-Quran perlu melampaui kaedah tradisional yang hanya menekankan hafalan dan pengulangan. Guru perlu mengaplikasikan strategi pengajaran yang responsif terhadap kepelbagaian murid, mengintegrasikan kaedah talaqqi dan musyafahah secara sistematik, serta memastikan penglibatan aktif murid dalam proses pembelajaran (Nordin et al., 2018). Keperluan terhadap pedagogi yang berkesan bukan sahaja menjamin penguasaan kemahiran bacaan al-Quran yang tepat, malah turut menyumbang kepada pembentukan generasi yang menghayati ajaran al-Quran secara holistik.

Pengalaman pedagogi merujuk kepada akumulasi pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperoleh guru melalui proses pengajaran secara berterusan, merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan, penilaian serta refleksi terhadap amalan pengajaran (Dzul et al., 2021). Konstruk ini menjangkau tempoh perkhidmatan semata-mata, sebaliknya turut melibatkan proses pembelajaran dan penyesuaian yang berterusan sepanjang kerjaya sebagai pendidik. Menurut Bandura (1997), pengalaman masteri merupakan sumber paling berpengaruh dalam pembentukan efikasi sendiri kerana ia memberikan bukti autentik tentang keupayaan individu untuk berjaya dalam sesuatu tugas. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran, pengalaman pedagogi guru boleh dianalisis melalui tiga dimensi utama, iaitu kejelasan konsep yang merujuk kepada keupayaan menerangkan hukum tajwid dan makhraj huruf dengan jelas, penyesuaian kaedah yang melibatkan adaptasi strategi pengajaran mengikut keperluan murid, serta penilaian keberkesanan pengajaran yang merujuk kepada keupayaan menilai impak pengajaran terhadap pencapaian murid (Latif et al., 2020). Kesalinghubungan ketiga-tiga dimensi ini membentuk kerangka pengalaman pedagogi yang holistik dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

Hubungan antara faktor jantina dengan pengalaman pedagogi guru telah menjadi subjek perbincangan dalam kalangan penyelidik, namun dapatan empirikal yang diperoleh sehingga kini masih tidak konsisten. Kajian oleh Salbiah et al. (2017) mendapati guru perempuan menunjukkan tahap pengajaran yang lebih tinggi berbanding guru lelaki dalam konteks Pendidikan Islam, khususnya dalam penggunaan pendekatan berpusatkan murid. Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan kajian Mustaffa et al. (2021) yang melaporkan tiada perbezaan signifikan dalam amalan pedagogi terbeza

berdasarkan jantina melalui analisis ujian-t sampel bebas. Kajian Musliza dan Siti Noor (2021) turut mendapati bahawa tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Islam adalah tinggi tanpa perbezaan ketara berdasarkan faktor demografi. Kepelbagaian dapatan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan konteks kajian, saiz sampel dan instrumen pengukuran yang digunakan. Lebih penting lagi, kajian khusus yang meneliti perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran masih terhad (Yusuf et al., 2019). Kekurangan bukti empirikal ini mewujudkan jurang pengetahuan yang perlu ditangani bagi merangka program pembangunan profesional guru yang lebih responsif.

Penelitian terhadap literatur sedia ada mendedahkan jurang empirikal yang ketara dalam kajian berkaitan pengalaman pedagogi guru Pendidikan Islam, khususnya dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Meskipun kajian lepas telah banyak membincangkan aspek efikasi sendiri dan amalan pedagogi guru secara umum, namun penyelidikan yang menumpukan secara khusus kepada konstruk pengalaman pedagogi dalam pengajaran Tilawah al-Quran masih terhad (Mustaffa et al., 2021). Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya kajian yang meneliti perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina dalam kalangan guru Tilawah al-Quran, sedangkan pemahaman terhadap aspek ini penting untuk memberikan gambaran komprehensif tentang landskap profesional guru Pendidikan Islam (Hussin et al., 2021). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam serta menentukan sama ada wujud perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan faktor jantina. Dapatan kajian ini diharap dapat menyediakan asas bukti yang kukuh untuk penambahbaikan program latihan dan pembangunan profesional guru secara lebih bersasar.

Berdasarkan latar belakang dan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, kajian ini dijalankan untuk mencapai beberapa objektif, iaitu (1) mengenal pasti tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran guru Pendidikan Islam; dan (2) menentukan perbezaan pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina. Persoalan kajian pula adalah: (1) Apakah tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran guru Pendidikan Islam? (2) Adakah terdapat perbezaan pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina? Dalam Hipotesis kajian iaitu: Ho1 Tidak terdapat perbezaan pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina.

Sorotan literatur

Konsep pengalaman pedagogi dalam pengajaran Tilawah al-Quran

Pengalaman pedagogi merujuk kepada pengetahuan praktikal dan kemahiran mengajar yang terbentuk hasil daripada penglibatan guru secara langsung dalam proses pengajaran sepanjang kerjaya mereka. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran, konstruk ini merangkumi tiga dimensi utama yang saling berkait. Dimensi pertama ialah kejelasan konsep, iaitu keupayaan guru menerangkan aspek berkaitan hukum tajwid dan makhraj huruf dengan cara yang mudah difahami oleh murid (Latif et al., 2020). Dimensi kedua melibatkan penyesuaian kaedah, di mana guru berupaya mengadaptasi strategi pengajaran seperti talaqqi dan musyafahah mengikut keperluan individu murid. Dimensi ketiga pula berkaitan penilaian keberkesanan pengajaran, yang merujuk kepada keupayaan guru menilai impak pengajaran mereka dan membuat penambahbaikan berdasarkan maklum balas murid. Konstruk pengalaman pedagogi ini perlu dibezakan daripada efikasi sendiri guru. Efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan seseorang

terhadap keupayaannya melaksanakan sesuatu tugas (Bandura, 1997), manakala pengalaman pedagogi lebih menekankan akumulasi pengetahuan dan kemahiran praktikal yang diperolehi melalui amalan pengajaran sebenar. Walaupun kedua-dua konstruk ini saling berkaitan, iaitu pengalaman pedagogi boleh menyumbang kepada pembentukan efikasi sendiri, namun keduanya merupakan konsep yang berbeza dan perlu diukur secara berasingan. Pemahaman terhadap perbezaan ini penting bagi memastikan ketepatan konseptual dalam penyelidikan pedagogi guru Pendidikan Islam.

Pengalaman pedagogi guru pendidikan Islam: Dapatan kajian lepas

Kajian empirikal berkaitan pengalaman pedagogi guru dalam konteks Pendidikan Islam masih terhad, dengan kebanyakan penyelidikan lebih memfokuskan konstruk efikasi sendiri berbanding pengalaman pedagogi secara khusus. Kajian oleh Salleh et al. (2018) melaporkan bahawa pengalaman mengajar memberi kesan positif terhadap kualiti pengajaran guru Pendidikan Islam, namun kajian ini tidak mengukur pengalaman pedagogi sebagai konstruk yang berdiri sendiri. Dalam konteks antarabangsa, Shulman (1987) menegaskan bahawa pengetahuan pedagogi kandungan (pedagogical content knowledge) merupakan asas penting bagi kecekapan pengajaran, dan pengetahuan ini berkembang melalui pengalaman praktikal di bilik darjah. Kajian oleh Darling-Hammond et al. (2017) turut mendapati bahawa guru yang mempunyai pengalaman praktikal yang lebih luas cenderung menggunakan strategi pengajaran yang lebih pelbagai dan responsif terhadap keperluan murid. Walau bagaimanapun, penelitian khusus yang menumpukan kepada pengalaman pedagogi dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran masih terhad. Mustaffa et al. (2021) menyatakan bahawa amalan pedagogi dalam bidang Tilawah al-Quran belum dikaji secara menyeluruh, dan kajian yang meneliti pelbagai konstruk pedagogi guru dalam konteks ini masih kurang diperincikan secara empirikal. Kekurangan ini amat ketara memandangkan pengajaran Tilawah al-Quran mempunyai keunikan tersendiri yang memerlukan pendekatan pedagogi yang spesifik, termasuk kaedah talaqqi dan musyafahah serta bimbingan individu dalam pembetulan bacaan. Justeru, jurang kajian ini mewujudkan keperluan untuk melaksanakan penyelidikan empirikal yang mengenal pasti tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Jantina dan pengalaman pedagogi guru: Perspektif empirikal

Hubungan antara faktor jantina dengan pengalaman pedagogi guru masih menjadi subjek perbincangan dalam kalangan penyelidik pendidikan. Secara teoretikal, teori peranan sosial (Eagly, 1987) mencadangkan bahawa lelaki dan perempuan mungkin menunjukkan gaya pengajaran yang berbeza disebabkan jangkaan sosial yang berbeza terhadap kedua-dua jantina. Namun begitu, teori ini tidak semestinya bermaksud wujud perbezaan dalam tahap kecekapan atau pengalaman pedagogi. Dapatan empirikal dalam bidang ini menunjukkan hasil yang tidak konsisten. Kajian oleh Klassen dan Chiu (2010) yang melibatkan sampel besar guru di Kanada mendapati bahawa guru perempuan melaporkan tahap efikasi pengajaran yang lebih tinggi dalam aspek pengurusan bilik darjah, manakala tiada perbezaan signifikan dikesan dalam aspek lain. Dalam konteks Malaysia, Salbiah et al. (2017) melaporkan guru perempuan menunjukkan tahap pengajaran yang lebih tinggi dalam konteks Pendidikan Islam. Sebaliknya, kajian Mustaffa et al. (2021) tidak mengesan perbezaan signifikan dalam amalan pedagogi terbeza berdasarkan jantina. Ketidakselarasan dapatan ini mungkin

disebabkan oleh perbezaan konteks kajian, saiz sampel, dan instrumen pengukuran yang digunakan. Lebih penting lagi, kebanyakan kajian sedia ada mengukur efikasi sendiri atau amalan pengajaran secara umum, bukan pengalaman pedagogi sebagai konstruk khusus. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran secara spesifik, kajian yang meneliti perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina masih terhad. Justeru, penyelidikan lanjutan diperlukan untuk menyediakan bukti empirikal yang lebih mantap bagi memahami sama ada faktor jantina mempengaruhi pengalaman pedagogi guru dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran di Malaysia.

Instrumen dan Metod Kajian

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan keratan rentas untuk mengenal pasti tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran serta menentukan perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana objektif kajian memerlukan pengukuran tahap pengalaman pedagogi secara numerik yang boleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi, di samping membolehkan dapatan kajian digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas (Creswell dan Clark, 2018). Kaedah tinjauan keratan rentas pula dipilih kerana ia membolehkan data dikumpul pada satu titik masa tertentu tanpa melibatkan manipulasi terhadap pemboleh ubah kajian, praktikal apabila melibatkan responden yang tersebar di pelbagai lokasi geografi, serta sesuai untuk kajian yang bertujuan mengenal pasti tahap sesuatu fenomena dan menguji perbezaan antara kumpulan berdasarkan pemboleh ubah demografi (Cohen et al., 2018; Ismail, 2013).

Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian terdiri daripada 157 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di 47 buah sekolah menengah harian di Zon Barat Sabah, merangkumi daerah Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran dan Ranau. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan seluruh populasi kerana saiz populasi yang boleh dicapai, pendekatan ini mengurangkan ralat pensampelan, serta membolehkan generalisasi dapatan dengan lebih tepat (Etikan and Bala, 2017; Martínez-Mesa et al., 2016). Kriteria inklusi merangkumi guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dan terlibat secara langsung dalam pengajaran Tilawah al-Quran, manakala kriteria eksklusi termasuk guru pelatih, guru sandaran, guru yang sedang bercuti panjang, dan guru yang terlibat dalam kajian rintis. Daripada 157 orang guru yang dihubungi, seramai 149 orang (60 lelaki, 89 perempuan) telah memberikan maklum balas lengkap, menghasilkan kadar respons sebanyak 94.9 peratus.

Instrumen kajian

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang diadaptasi daripada Teacher Self-Efficacy Scale oleh Bandura (1997), mengandungi tujuh item yang mengukur konstruk pengalaman pedagogi dalam pengajaran Tilawah al-Quran merangkumi dimensi keyakinan mengajar, strategi pengajaran, penyesuaian kaedah dan penilaian keberkesanan. Semua item diukur menggunakan skala Likert lima mata (1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju). Contoh item termasuk "Pengalaman mengajar

meningkatkan keyakinan saya dalam pengajaran Tilawah al-Quran" dan "Saya menyesuaikan kaedah mengajar untuk pelbagai tahap murid Tilawah al-Quran". Kesahan kandungan ditentukan oleh enam orang panel pakar berkeelayakan PhD dalam bidang Pendidikan Islam, dengan nilai I-CVI antara 0.83 hingga 1.00 dan S-CVI/Ave sebanyak 0.94, melebihi nilai ambang yang disyorkan (Polit and Beck, 2006). Kebolehpercayaan instrumen diuji melalui kajian rintis melibatkan 45 orang guru, dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.931, menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang sangat baik (Hair et al., 2019).

Prosedur pengumpulan data

Pengumpulan data dijalankan dalam tempoh lapan minggu setelah kelulusan etika diperolehi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris, serta kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terlibat. Data dikumpul menggunakan dua kaedah, iaitu secara dalam talian melalui Google Forms untuk responden di daerah yang jauh dan secara bersemuka untuk responden di daerah berdekatan, dengan strategi pengurangan bias termasuk penerangan jelas mengenai tujuan kajian dan jaminan kerahsiaan maklumat (Evans and Mathur, 2018; Baker et al., 2016). Prosedur bermula dengan menghubungi pentadbir sekolah untuk mendapatkan kerjasama, menghantar pautan atau borang soal selidik, memberikan tempoh empat minggu kepada responden untuk menjawab, dan membuat panggilan susulan selepas dua minggu bagi memantau perkembangan pengumpulan data.

Analisis data

Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 26 setelah melalui prosedur persediaan data termasuk saringan data untuk mengesan ketinggalan data dan outliers, ujian bias kaedah biasa menggunakan Ujian Faktor Tunggal Harman yang mengesahkan tiada bias menjejaskan data (varians < 50%), serta ujian normaliti yang menunjukkan nilai skewness dan kurtosis berada dalam julat boleh diterima (-1.96 hingga +1.96) bagi memenuhi andaian ujian parametrik (Hair et al., 2019). Analisis deskriptif melibatkan pengiraan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan digunakan untuk mengenal pasti tahap pengalaman pedagogi, dengan interpretasi: skor 4.015.00 (tinggi), 3.014.00 (sederhana tinggi), 2.013.00 (sederhana rendah), dan 1.012.00 (rendah). Analisis inferensi menggunakan ujian-t sampel bebas dijalankan untuk menentukan perbezaan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina, dengan ujian Levene dilaksanakan terlebih dahulu untuk menguji andaian kesamaan varians dan aras signifikan ditetapkan pada $p < 0.05$.

Pertimbangan etika

Kajian ini mematuhi prosedur etika penyelidikan yang ditetapkan, di mana kelulusan etika diperolehi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris sebelum pengumpulan data dimulakan. Penyertaan responden adalah secara sukarela dengan kebebasan untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang kesan negatif, maklumat peribadi responden dirahsiakan dan tidak dikumpulkan dalam soal selidik, serta semua data disimpan secara sulit dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja. Persetujuan termaklum diperolehi melalui borang maklumat peserta

yang disertakan bersama soal selidik, memberikan penerangan jelas mengenai tujuan kajian sebelum responden menjawab soal selidik.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Tahap pengalaman prdagogi Tilawah al-Quran guru pendidikan Islam

Analisis deskriptif tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran guru Pendidikan Islam dipaparkan dalam *Jadual 1*. Kajian ini menggunakan skala Likert lima mata (1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju) dengan interpretasi skor min seperti berikut: 1.002.33 (Rendah), 2.343.66 (Sederhana), dan 3.675.00 (Tinggi). Berdasarkan *Jadual 1*, skor min keseluruhan bagi konstruk pengalaman pedagogi ialah 3.99 (SP=0.56), menunjukkan tahap pengalaman pedagogi guru yang tinggi. Daripada tujuh item yang diukur, tiga item berada pada tahap tinggi manakala empat item berada pada tahap sederhana tinggi. Item yang memperoleh skor min tertinggi ialah "Menerangkan konsep kompleks Tilawah al-Quran dengan jelas kepada murid" (Min=4.26, SP=0.559), dengan 93.9% responden menyatakan persetujuan (bersetuju dan sangat bersetuju). Ini diikuti oleh item "Menyesuaikan kaedah mengajar untuk pelbagai tahap murid Tilawah al-Quran" (Min=4.11, SP=0.559) dan "Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pencapaian murid" (Min=4.05, SP=0.562). Sebaliknya, item yang mencatatkan skor min terendah ialah "Menggunakan strategi pengajaran berkesan dalam kelas Tilawah al-Quran" (Min=3.79, SP=0.564), walaupun masih berada pada tahap tinggi. Item "Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan maklum balas murid" turut mencatatkan skor yang lebih rendah berbanding item lain (Min=3.86, SP=0.558). Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengalaman pedagogi yang tinggi dalam pengajaran Tilawah al-Quran, dengan kekuatan utama pada aspek kejelasan penerangan konsep dan penyesuaian kaedah pengajaran mengikut tahap murid.

Jadual 1. Tahap pengalaman guru Pendidikan Islam.

Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP	Int.
Pengalaman mengajar meningkatkan keyakinan dalam Tilawah al-Quran.	0 (0%)	1 (0.7%)	31 (20.8%)	101 (67.8%)	16 (10.7%)	3.89	0.576	Sederhana Tinggi
Menggunakan strategi pengajaran berkesan dalam kelas Tilawah al-Quran.	0 (0%)	1 (0.7%)	40 (26.8%)	98 (65.8%)	10 (6.7%)	3.79	0.564	Sederhana Tinggi
Menyesuaikan kaedah mengajar untuk pelbagai tahap murid Tilawah al-Quran.	0 (0%)	0 (0%)	16 (10.7%)	101 (67.8%)	32 (21.5%)	4.11	0.559	Tinggi
Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan maklum balas murid.	0 (0%)	0 (0%)	35 (23.5%)	100 (67.1%)	14 (9.4%)	3.86	0.558	Sederhana Tinggi
Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pandangan rakan sekerja.	0 (0%)	0 (0%)	24 (16.1%)	107 (71.8%)	18 (12.1%)	3.96	0.531	Sederhana Tinggi
Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pencapaian murid.	0 (0%)	0 (0%)	20 (13.4%)	102 (68.5%)	27 (18.1%)	4.05	0.562	Tinggi
Menerangkan konsep kompleks Tilawah al-Quran dengan jelas kepada murid.	0 (0%)	0 (0%)	9 (6.0%)	93 (62.4%)	47 (31.5%)	4.26	0.559	Tinggi
Min keseluruhan						3.99	0.56	Sederhana Tinggi

Perbezaan pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina

Analisis ujian-t sampel bebas dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina guru. Sebelum analisis dijalankan, andaian normaliti dan kehomogenan varians telah disemak dan dipenuhi. Berdasarkan *Jadual 2*, guru perempuan (n=89) mencatatkan skor min pengalaman pedagogi yang sedikit lebih tinggi (Min=4.01, SP=0.23) berbanding guru lelaki (n=60, Min=3.95, SP=0.20). Perbezaan min antara kedua-dua kumpulan ialah 0.06. Ujian Levene menunjukkan varians kedua-dua kumpulan adalah homogen (F=0.208, p=0.649), justeru andaian varians sama digunakan dalam analisis. Hasil ujian-t sampel bebas menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik dalam pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran antara guru lelaki dan guru perempuan, $t(147)=-1.86$, $p=0.064$ (dua hujung). Memandangkan nilai $p>0.05$, hipotesis nul yang menyatakan tiada perbezaan pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina adalah gagal ditolak. Saiz kesan Cohen's d yang diperolehi ialah 0.28, menunjukkan kesan yang kecil berdasarkan garis panduan Cohen et al. (2018). Ini bermakna walaupun terdapat sedikit perbezaan min antara guru lelaki dan perempuan, perbezaan tersebut adalah kecil dari segi kepentingan praktikal. Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam adalah setara antara guru lelaki dan guru perempuan.

Jadual 2. Perbezaan pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran berdasarkan jantina.

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Nilai p	Varians sama (Levene' test sign.)
Lelaki	60	3.95	0.20	-1.864	0.064	0.649
Perempuan	89	4.01	0.23			

Tahap pengalaman pedagogi guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengalaman pedagogi guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran berada pada tahap sederhana tinggi, suatu penemuan yang mencerminkan keupayaan profesional guru yang memberangsangkan. Analisis pada peringkat item mendedahkan bahawa guru menunjukkan penguasaan paling tinggi dalam aspek kejelasan penerangan konsep kompleks Tilawah al-Quran kepada murid. Penguasaan ini mencerminkan pengetahuan pedagogi kandungan yang kukuh, iaitu keupayaan guru mentransformasi pengetahuan subjek kepada bentuk yang mudah difahami oleh pelajar pelbagai tahap (Shulman, 1987). Dalam konteks Tilawah al-Quran, keupayaan ini amat kritikal memandangkan konsep tajwid seperti idgham, ikhfa' dan iqlab memerlukan penerangan yang sistematik agar murid dapat mengaplikasikannya semasa membaca al-Quran. Guru turut menunjukkan tahap yang memberangsangkan dalam aspek penyesuaian kaedah pengajaran mengikut tahap murid serta penilaian keberkesanan pengajaran berdasarkan pencapaian murid. Keupayaan penyesuaian ini merupakan manifestasi pengalaman pedagogi yang terkumpul melalui interaksi berterusan dengan murid pelbagai latar belakang, selaras dengan prinsip pengajaran responsif yang menekankan keperluan guru mengenal pasti kepelbagaian murid dan menyesuaikan pendekatan secara fleksibel (Tomlinson, 2000).

Walaupun bagaimanapun, aspek penggunaan strategi pengajaran berkesan dalam kelas Tilawah al-Quran mencatatkan skor relatif lebih rendah berbanding aspek lain, walaupun masih berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini mencadangkan bahawa guru menghadapi cabaran dalam mempelbagaikan strategi pengajaran semasa sesi Tilawah al-Quran. Fenomena ini boleh dijelaskan melalui beberapa faktor kontekstual. Pertama, pengajaran Tilawah al-Quran secara tradisinya didominasi oleh kaedah talaqqi dan musyafahah yang bersifat berpusatkan guru, menyebabkan kurang

pendedahan kepada strategi alternatif yang lebih interaktif dan berpusatkan murid (Noh dan Tarmizi, 2009). Kedua, kekangan masa dalam waktu pengajaran Tilawah al-Quran yang terhad menghalang guru daripada mengaplikasikan strategi pengajaran yang lebih pelbagai dan memerlukan peruntukan masa yang lebih panjang. Ketiga, kurangnya latihan khusus berkaitan pedagogi abad ke-21 dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran turut menyumbang kepada limitasi ini, memandangkan kebanyakan program pembangunan profesional lebih memfokuskan kaedah pengajaran konvensional. Jurang antara aspek kejelasan konsep yang tinggi dengan aspek strategi pengajaran yang lebih rendah menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan kandungan yang baik, namun memerlukan sokongan tambahan untuk menterjemahkan pengetahuan tersebut kepada kepelbagaian strategi pengajaran yang lebih dinamik.

Tahap pengalaman pedagogi yang sederhana tinggi ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor penyumbang yang saling berkait. Faktor pertama ialah latihan perguruan yang komprehensif di institusi pengajian tinggi Malaysia yang menyediakan asas pedagogi kukuh, merangkumi kursus kaedah pengajaran Tilawah al-Quran, ilmu tajwid dan praktikum yang memberikan pendedahan praktikal kepada guru pelatih (Adib dan Lasot, 2023). Faktor kedua ialah pelaksanaan program pembangunan profesional berterusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Kursus Dalam Perkhidmatan dan Komuniti Pembelajaran Profesional yang membolehkan guru berkongsi amalan terbaik dan memperkemas kemahiran pedagogi secara kolaboratif. Faktor ketiga ialah pengalaman praktikal guru dalam melaksanakan pengajaran Tilawah al-Quran secara berterusan sepanjang kerjaya yang membolehkan pembentukan repertoar strategi pengajaran melalui proses refleksi sendiri, selaras dengan prinsip amalan reflektif yang menekankan kepentingan guru menilai dan menambah baik pengajaran berdasarkan maklum balas yang diperolehi (Schön, 2017). Dapatan ini membawa implikasi penting terhadap pembangunan profesional guru, khususnya keperluan memberikan tumpuan kepada peningkatan kemahiran mempelbagaikan strategi pengajaran melalui integrasi teknologi pendidikan, pembelajaran berasaskan permainan dan pendekatan pembelajaran aktif dalam konteks Tilawah al-Quran, di samping mengekalkan kekuatan sedia ada dalam aspek kejelasan penerangan konsep dan penyesuaian kaedah pengajaran.

Pengalaman pedagogi sebagai konstruk profesional, bukan demografi

Dapatan kajian yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina membawa implikasi penting dalam memahami sifat sebenar pengalaman pedagogi guru Pendidikan Islam. Hasil analisis ujian-t sampel bebas mendedahkan bahawa guru lelaki dan guru perempuan menunjukkan tahap pengalaman pedagogi yang setara dalam pengajaran Tilawah al-Quran, tanpa sebarang kelebihan ketara pada mana-mana kumpulan. Kesetaraan ini mencadangkan bahawa pengalaman pedagogi terbentuk melalui proses pembelajaran profesional yang dilalui oleh semua guru tanpa mengira jantina, bukannya ditentukan oleh ciri-ciri demografi semula jadi. Dalam erti kata lain, apa yang membezakan tahap pengalaman pedagogi seseorang guru bukanlah sama ada beliau lelaki atau perempuan, sebaliknya sejauh mana beliau terlibat secara aktif dalam proses pengajaran, refleksi dan penambahbaikan amalan sepanjang kerjaya. Pandangan ini selari dengan teori pembelajaran dewasa oleh Knowles (1984) yang menegaskan bahawa orang dewasa membina pengetahuan dan kemahiran melalui pengalaman praktikal serta refleksi terhadap pengalaman tersebut, tanpa dipengaruhi oleh faktor jantina. Kesetaraan pengalaman pedagogi merentas jantina turut

mencerminkan keberkesanan sistem latihan perguruan di Malaysia yang menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan profesional yang sama rata kepada semua guru.

Dapatan kajian ini turut menolak andaian lazim yang sering mengaitkan jantina dengan gaya atau keberkesanan pengajaran guru. Dalam sesetengah konteks pendidikan, wujud tanggapan bahawa guru perempuan lebih cenderung menggunakan pendekatan penyayang dan mesra murid, manakala guru lelaki lebih tegas dan berorientasikan pencapaian. Namun begitu, kajian empirikal dalam bidang pendidikan guru secara konsisten gagal membuktikan andaian ini. Sebagai contoh, meta-analisis oleh Whitley Jr (1997) terhadap kajian-kajian berkaitan jantina dan pengajaran mendapati bahawa perbezaan gaya pengajaran antara guru lelaki dan perempuan adalah kecil dan tidak signifikan secara praktikal. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran secara khusus, kedua-dua guru lelaki dan perempuan didapati sama-sama berupaya melaksanakan kaedah talaqqi dan musyafahah, menerangkan hukum tajwid dengan jelas serta menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan murid. Kesamaan keupayaan ini berkemungkinan besar disebabkan oleh latihan asas yang sama yang diterima semasa pengajian di institusi pendidikan guru, pendedahan kepada kurikulum dan sukatan pelajaran yang seragam, serta pengalaman menghadapi cabaran pengajaran yang serupa dalam bilik darjah. Justeru, faktor-faktor profesional ini lebih menentukan tahap pengalaman pedagogi berbanding faktor jantina.

Penemuan kajian ini membawa implikasi bermakna terhadap perancangan program pembangunan profesional guru Pendidikan Islam pada masa hadapan. Memandangkan tiada perbezaan signifikan pengalaman pedagogi berdasarkan jantina, maka program latihan tidak perlu diasingkan atau dibezakan mengikut jantina guru. Sebaliknya, program pembangunan profesional wajar direka berdasarkan keperluan kompetensi sebenar yang dikenal pasti melalui analisis keperluan latihan, tanpa mengambil kira faktor demografi yang tidak relevan. Pendekatan ini lebih menepati prinsip pembangunan profesional berkesan yang menekankan pembelajaran berasaskan keperluan dan konteks tugas sebenar guru (Guskey, 2002). Selain itu, dapatan ini turut mencadangkan bahawa pihak pentadbir sekolah dan pembuat dasar tidak sewajarnya membuat andaian tentang keupayaan pengajaran guru berdasarkan jantina semata-mata. Penilaian terhadap kecekapan pedagogi guru perlu berasaskan bukti prestasi sebenar dalam bilik darjah, bukan stereotaip berkaitan jantina. Secara keseluruhannya, kajian ini memperkukuh pandangan bahawa pengalaman pedagogi merupakan hasil daripada komitmen profesional, usaha pembelajaran berterusan dan pendedahan praktikal yang dialami oleh semua guru sepanjang kerjaya mereka, tanpa dipengaruhi oleh faktor jantina.

Perbandingan dapatan dengan kajian lepas

Dapatan kajian ini menunjukkan keselarasan dengan beberapa kajian terdahulu berkaitan pengalaman dan kecekapan pedagogi guru Pendidikan Islam. Tahap pengalaman pedagogi yang sederhana tinggi dalam kajian ini adalah konsisten dengan kajian Salleh et al. (2018) yang turut melaporkan tahap kualiti pengajaran yang memberangsangkan dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Malaysia. Keselarasan ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam secara umumnya telah mencapai tahap kecekapan profesional yang memuaskan hasil daripada sistem latihan perguruan dan pembangunan profesional yang dilaksanakan di negara ini. Begitu juga, dapatan kajian yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan pengalaman pedagogi berdasarkan

jantina adalah selari dengan kajian Ali et al. (2017) yang tidak mengesan perbezaan efikasi sendiri guru mengikut faktor jantina dalam konteks pendidikan. Keselarasan dapatan merentas kajian yang berbeza ini memperkukuh kesahihan luaran penemuan kajian semasa, sekali gus mencadangkan bahawa corak kesetaraan pengalaman pedagogi merentas jantina merupakan fenomena yang konsisten dalam landskap pendidikan di Malaysia dan bukannya dapatan terencil yang khusus kepada konteks kajian ini sahaja.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian Salbiah et al. (2017) yang mendapati guru perempuan menunjukkan tahap pengajaran yang lebih tinggi berbanding guru lelaki dalam konteks Pendidikan Islam. Perbezaan dapatan ini boleh dijelaskan melalui beberapa faktor metodologi dan kontekstual. Dari sudut metodologi, kajian Salbiah et al. (2017) menggunakan konstruk dan instrumen pengukuran yang berbeza daripada kajian semasa, menyebabkan aspek pengajaran yang dinilai tidak sepenuhnya setara. Kajian tersebut memfokuskan tahap pengajaran secara umum, manakala kajian semasa menumpukan secara khusus kepada pengalaman pedagogi dalam konteks Tilawah al-Quran yang mempunyai keunikan tersendiri. Dari sudut kontekstual pula, lokasi kajian yang berbeza mungkin menyumbang kepada variasi dapatan, memandangkan kajian semasa dijalankan di Zon Barat Sabah yang mempunyai dinamik sosiobudaya dan profesional tersendiri berbanding lokasi kajian terdahulu. Selain itu, tempoh masa antara kedua-dua kajian turut perlu diambil kira, kerana perubahan dasar pendidikan dan pelaksanaan program pembangunan profesional sepanjang tempoh tersebut mungkin telah menyumbang kepada pengurangan jurang pengalaman pedagogi antara guru lelaki dan perempuan.

Kajian ini menyumbang kepada pengisian jurang literatur yang dikenal pasti oleh penyelidik terdahulu berkaitan pedagogi Tilawah al-Quran. Kajian yang meneliti pelbagai konstruk pedagogi guru dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran masih terbatas dan kurang diperincikan secara empirikal. Kajian semasa telah menyahut keperluan tersebut dengan menyediakan bukti empirikal yang khusus berkaitan tahap pengalaman pedagogi guru dalam pengajaran Tilawah al-Quran serta perbandingan berdasarkan faktor jantina. Sumbangan ini penting kerana pengajaran Tilawah al-Quran mempunyai ciri-ciri unik yang membezakannya daripada komponen Pendidikan Islam yang lain, termasuk penggunaan kaedah talaqqi dan musyafahah yang memerlukan interaksi bersemuka secara intensif antara guru dan murid, serta keperluan penguasaan ilmu tajwid yang mendalam. Justeru, dapatan kajian ini bukan sahaja mengesahkan beberapa penemuan kajian terdahulu dalam konteks yang lebih khusus, malah turut memperluaskan skop pengetahuan dalam bidang pedagogi Tilawah al-Quran yang selama ini kurang diberikan perhatian oleh penyelidik. Bukti empirikal yang diperoleh ini diharap dapat menjadi asas kepada kajian lanjutan serta panduan kepada pihak berkepentingan dalam merangka program pembangunan profesional guru Pendidikan Islam yang lebih bersasar dan berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini telah menyediakan bukti empirikal berkaitan tahap pengalaman pedagogi Tilawah al-Quran serta perbezaannya berdasarkan jantina dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Zon Barat Sabah. Dapatan menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap pengalaman pedagogi yang sederhana tinggi, dengan penguasaan yang kukuh dalam aspek kejelasan penerangan konsep dan penyesuaian kaedah pengajaran, namun

memerlukan penambahbaikan dalam aspek kepelbagaian strategi pengajaran. Penemuan bahawa tiada perbezaan signifikan pengalaman pedagogi antara guru lelaki dan perempuan menyumbang kepada pemahaman teoretikal bahawa pengalaman pedagogi merupakan konstruk profesional yang dibentuk melalui proses latihan dan amalan pengajaran, bukannya ditentukan oleh ciri demografi. Dapatan ini mencabar andaian lazim yang mengaitkan jantina dengan kecekapan pengajaran, sekali gus memperkaya literatur dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam yang selama ini kurang meneliti konstruk pengalaman pedagogi secara khusus dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Dari sudut praktikal, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Pendidikan Guru disarankan untuk memperkukuh modul latihan berkaitan strategi pengajaran Tilawah al-Quran abad ke-21, khususnya pengintegrasian kaedah talaqqi digital dan pembelajaran berasaskan projek tajwid, tanpa perlu membezakan program mengikut jantina guru memandangkan kedua-dua kumpulan menunjukkan tahap kecekapan yang setara.

Kajian ini tidak terlepas daripada beberapa limitasi yang perlu diambil kira semasa menginterpretasi dapatan. Pertama, skop kajian yang terhad kepada Zon Barat Sabah menyebabkan dapatan mungkin tidak sepenuhnya mewakili realiti guru Pendidikan Islam di negeri atau zon lain yang mempunyai konteks sosiobudaya dan profesional yang berbeza. Kedua, penggunaan kaedah soal selidik lapor sendiri secara eksklusif berkemungkinan terdedah kepada bias keinginan sosial, di mana responden cenderung memberikan jawapan yang dianggap lebih baik berbanding amalan sebenar mereka. Justeru, kajian lanjutan disarankan untuk meluaskan skop penyelidikan ke zon atau negeri lain bagi membolehkan perbandingan merentas konteks, serta menggunakan kaedah campuran yang menggabungkan pemerhatian pengajaran sebenar untuk mengesahkan dapatan lapor sendiri. Penelitian terhadap faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi pengalaman pedagogi guru seperti sokongan kepimpinan instruksional, budaya kolaboratif profesional dan akses kepada sumber pengajaran juga wajar diterokai bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran Tilawah al-Quran perlu berfokus kepada pembangunan kompetensi profesional guru secara menyeluruh, tanpa dikekang oleh andaian stereotaip berkaitan faktor demografi yang tidak disokong oleh bukti empirikal.

Penghargaan

Kajian ini ialah dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tidak ada konflik kepentingan dengan mana mana pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Adib, M., Lasot, J. (2023): Tahap efikasi sendiri guru pelatih Pendidikan Islam IPGKTAR dengan amalan pembelajaran abad Ke-21 semasa praktikum. – Prosiding Penyelidikan Pendidikan Islam (PPPI) IPGKTAR 1: 87-92.

- [2] Ali, S.K.S., Hassan, M.Z.C., Jani, J. (2017): Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. – *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 2(3): 43-51.
- [3] Baker, R., Brick, J.M., Keeter, S., Biemer, P., Kennedy, C., Mercer, A., Peytchev, A. (2016): Evaluating survey quality in today's complex environment. – *American Association for Public Opinion Research* 18p.
- [4] Bandura, A. (1997): *Self-efficacy: The exercise of control*. – W.H. Freeman and Company, New York 604p.
- [5] Cohen, L., Manion, L., Morrison, K. (2018): *Research methods in education*. – Routledge, London 916p.
- [6] Creswell, J.W., Clark, V.L.P. (2018): *Designing and conducting mixed methods research*. – SAGE Publications, Thousand Oaks 520p.
- [7] Darling-Hammond, L., Hyler, M.E., Gardner, M. (2017): *Effective teacher professional development*. – Learning Policy Institute 76p.
- [8] Dzul, H., Hussin, Z., Sulaiman, A.M. (2021): Kesan kepercayaan dan efikasi sendiri ke atas pengajaran pendidikan islam berintegrasikan KBAT di Malaysia: Satu analisis multilevel. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(12): 80-93.
- [9] Eagly, A.H. (1987): *Sex differences in social behavior: A social-role interpretation*. – Lawrence Erlbaum Associates, Hillsdale 178p.
- [10] Etikan, I., Bala, K. (2017): Sampling and sampling methods. – *Biometrics & Biostatistics International Journal* 5(6): 215-217.
- [11] Evans, J.R., Mathur, A. (2018): The value of online surveys: A look back and a look ahead. – *Internet Research* 28(4): 854-887.
- [12] Guskey, T.R. (2002): Professional development and teacher change. – *Teachers and Teaching: Theory and Practice* 8(3): 381-391.
- [13] Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., Tatham, R.L. (2019): *Multivariate data analysis*. Cengage Learning. – Hampshire, United Kingdom 633(1): 321-344.
- [14] Hussin, H.B.M., Ghani, M.K.A., Hashim, S.N.A., Haron, A.S., Hassan, M.H., Suhaili, A., Hassan, S.S., Nordin, M.N. (2021): Meta-Analysis Of Teacher Teaching Practices In Malaysia. – *Rigeo* 11(7): 77-86.
- [15] Ismail, R. (2013): *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. – Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 240p.
- [16] Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2018): *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Tingkatan 4 dan 5*. – Bahagian Pembangunan Kurikulum, Putrajaya 120p.
- [17] Klassen, R.M., Chiu, M.M. (2010): Effects on teachers' self-efficacy and job satisfaction: Teacher gender, years of experience, and job stress. – *Journal of Educational Psychology* 102(3): 741-756.
- [18] Knowles, M.S. (1984): *The adult learner: A neglected species*. – Gulf Publishing, Houston 293p.
- [19] Latif, M.K., Jimaain, T., Jasmi, K.A. (2020): Competence and Method of Teaching Tarannum Al-Quran Among Teachers of Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) in Johor. – In 3rd International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019), Atlantis Press 5p.
- [20] Martínez-Mesa, J., González-Chica, D.A., Duquia, R.P., Bonamigo, R.R., Bastos, J.L. (2016): Sampling: How to select participants in my research study? – *Anais Brasileiros de Dermatologia* 91(3): 326-330.
- [21] Musliza, J., Siti Noor, I. (2021): The relationship between self-efficacy and teacher work commitment in moderate performing school in Kelantan. – *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 6(40): 264-273.
- [22] Mustaffa, Z., Hussin, Z., Sulaiman, A.M. (2021): Kaedah Pengajaran Pedagogi Terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun:

- Different Instruction teaching methods in the context of learning style and justice to pupils: The thoughts of Imam Ibn Sahnun. – *Global Journal Al-Thaqafah* 11(2): 86-96.
- [23] Noh, M.A.C., Tarmizi, R.A. (2009): Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran (Students' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran). – *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 93-109.
- [24] Nordin, P., Husin, S., Madihah, S.N., Muda, T., Muliana, T.F., Ali, D.N., Bidin, S., Norshah, M.D.S., Raja Sulaiman, R.H., Abdul Aziz, D.S., Mohd Nazim, D.A. (2018): Sorotan al-Quran terhadap efikasi sendiri. – *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari 2018* 11p.
- [25] Polit, D.F., Beck, C.T. (2006): The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. – *Research in Nursing & Health* 29(5): 489-497.
- [26] Salbiah, M.S., Jamil, A., Mohd Aderi, C.N., Adibah, A.L. (2017): Measurement in Islamic religion (MIR): Past, present and future directions. – *Man in India* 97(17): 279-288.
- [27] Salleh, S.M., Ahmad, J., Noh, M.A.C., Hehsan, A. (2018): Profil akhlak guru pendidikan Islam di Malaysia (Islamic education teacher profile in Malaysia). – *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5(1): 80-93.
- [28] Schön, D.A. (2017): *The reflective practitioner: How professionals think in action.* – Routledge 384p.
- [29] Shulman, L. (1987): Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. – *Harvard Educational Review* 57(1): 1-23.
- [30] Tomlinson, C.A. (2000): Reconcilable differences: Standards-based teaching and differentiation. – *Educational Leadership* 58(1): 6-13.
- [31] Yusuf, S.A.M., Noh, M.A.C., Razak, K.A. (2019): Tahfiz teachers' ability in teaching of the subject Hifz Quran in implementing Integrated Curriculum Tahfiz (KBT) secondary schools. – *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9(5): 835-850.
- [32] Whitley Jr, B.E. (1997): Gender differences in computer-related attitudes and behavior: A meta-analysis. – *Computers in Human Behavior* 13(1): 1-22.